

media
PERMATA

AKHBAR HARIAN UNGGUL
BRUNEI DARUSSALAM

www.brunei-online.com/mp

minggu

Warga Indonesia di Brunei
tidak ketinggalan sambut
ulang tahun Kemerdekaan
Muka 3

Perundingan Tahunan
Brunei dan Malaysia bukan
sekadar cakap kosong
Muka 10

Dua wanita warga Korea
Selatan yang dibebaskan
kembali ke tanah air
Muka 30



Sambutan Hari Kemerdekaan di Kedutaan Indonesia meriah

Oleh Ak Fairol RMF

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat – Kira-kira 200 penduduk Indonesia yang berkhidmat di Brunei hari ini menyambut hari ulang tahun peringatan Hari Kemerdekaan Indonesia ke-62 di Kedutaan Indonesia.

"Semangat Persatuan dan Etos Kerja, Kita Percepat Pertumbuhan Ekonomi dan Penangulangan Kemiskinan untuk Mewujudkan Keadilan dan Kesejahteraan bagi Rakyat Indonesia" adalah tema sambutan.

Duta Indonesia di Brunei, Herijanto Soeprpto dalam ucapannya berkata pelbagai kemajuan menggembirakan telah tercatat pada tahun 2007 yang menghasilkan bagi melangkah maju antara reformasi peradilan, pemberantasan peredaran obat-obat terlarang, dadah serta langkah-langkah pemberantasan pembalakan dan menangkap ikan yang dilarang.

"Hubungan baik antara Indonesia dan Brunei yang telah terjalin sejak 1984 menunjukkan hubungan yang begitu erat dan peningkatan yang cukup penting dalam beberapa tahun terakhir ini," ujar beliau.

Beliau berkata dengan bertambahnya kerjasama antara kedua-dua negara menyusul kunjungan Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono pada awal tahun 2006



Duta Indonesia memotong kek sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Indonesia ke-62 tahun.

menunjukkan hubungan dua hala dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Manakala dalam bidang ekonomi, kerjasama pelaburan dan pelancongan lebih mendorong mengembangkan hubungan perdagangan kedua-dua negara dan sejak Jun 2006 TVRI dan RTB melaksanakan program siaran bersama (Mou) melalui jalinan nada secara serentak disiarkan di kedua-dua negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti acara menaikkan bendera dan pemotongan kek.

Indonesia sambut ulang tahun Kemerdekaan ke-62

JAKARTA, Jumaat – Indonesia menyambut ulang tahun ke-62 kemerdekaannya hari ini dengan acara rasmi berlangsung di Istana Merdeka di sini dengan diketuai Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, manakala di merata-rata tempat di bandar raya ini rakyat biasa menyambutnya dengan cara yang tersendiri.


Sambutan kemerdekaan Indonesia, yang lebih dikenali sebagai peringatan detik-detik proklamasi (pengisytiharan) kemerdekaannya, bermula pada pukul 10 pagi dengan tembakan meriam sebanyak 17 das dan disusuli acara membunyikan siren, paluan beduk masjid dan loceng gereja selama seminit.

Ketua Dewan Perwakilan Daerah DPD Pusat Ginanjar Kartasasmita kemudiannya membacakan "Naskah Proklamasi" (surat pengisytiharan kemerdekaan) yang pernah dibacakan oleh Presiden Sukarno, 62 tahun lalu.

Presiden Susilo kemudiannya mengetuai istiadat "mengheningkan cipta" atau bertafakur sejenak, manakala mereka yang beragama Islam membaca Al-Fatihah.

Bendera Indonesia "Sang Saka Merah Putih" dikibarkan dengan pembacaan doa oleh Menteri Agama M. Maftuh Basyuni.

Lagu-lagu patriotik juga dikumandangkan oleh para pelajar pada acara yang disaksikan oleh ribuan tetamu di pekarangan Istana Merdeka itu termasuk Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Zainal Abidin Mohamed Zain dan duta-duta negara lain.




Perbarisan tentera semasa sambutan Hari Kemerdekaan Indonesia di Jakarta. – AFP

Sementara itu, di pelbagai kawasan perumahan di bandar raya yang berpenduduk kira-kira 12 juta ini, banyak acara sukaneka peringkat mukim dilangsungkan dengan acara menarik seperti memanjat batang pinang licin untuk meraih hadiah termasuk basikal dan televisyen yang digantung di puncaknya.

Kanak-kanak terutama di peringkat tadika, yang berpakaian seragam dan beragam, juga menyertai perarakan kecil dengan membawa bendera Indonesia dan poster bertulis "Selamat Ulang tahun Republik Indonesia ke-62" mengelilingi kawasan perumahan masing-masing.

Seorang penduduk di mukim Pela-Mampang, Wardi berkata tujuan perarakan anak-anak kecil itu ialah untuk menyedarkan mereka mengenai pentingnya "tarikh keramat" kemerdekaan walaupun mereka belum dapat memahami erti dan tuntutan kemerdekaan negara ini. – Bernama

Indonesians gather to mark Independence Day



The flag carrier receiving the Indonesian flag from Soeprapto (left)



The unfurling of the Indonesian flag prior to its hoisting

By Yusrin Junaidi

MORE than 200 Indonesian nationals in Brunei Darussalam attended a Flag-Hoisting ceremony at the Indonesian High Commission yesterday to mark the 62nd Indonesian Independence Day.

The guest-of-honour was Indonesian High Commissioner Herijanto Soeprapto. Also in attendance were several senior officers from the High Commission as well as members of the Indonesian community in Brunei Darussalam.

The ceremony began with the raising of the Indonesian National Flag, which was hoisted by a flag carrier following the singing of the national anthem, "Indonesia Raya".

The event continued with a reading of the Oath (Proclamation), which was followed by a reading of the "Pancasila" (Indonesia's Five Basic Principles).

Thereafter, the ceremony continued with a speech by Soeprapto in which he said the theme for this year's Independence Day was "Dengan Semangat Persatuan dan Etos Kerja, Kita Percepat Pertumbuhan Ekonomi dan Penanggulangan Kemiskinan Untuk Mewujudkan Keadilan dan Kesejahteraan Bagi Rakyat Indonesia".

"The peaceful settlement of the armed conflict in Aceh followed by the peaceful and transparent election of the district head, provide our leaders with the opportunity to develop Aceh so as to obtain a bright future for Aceh. We should also be thankful to the leader of Brunei Darussalam for providing assistance for the development of Aceh," he said.

"In the field of trade and economy, apart from the increase in traditional trade volume, especially in consumer goods, our leaders have also started to pave the way in building relations in the field of investment so as to strengthen the economic relationship between the two



Soeprapto handing (left) over the 'Satya Lancana Karya Satya' to one of the recipients



Several members of the Indonesian community who attended the event

nations," Soeprapto said.

Soeprapto also handed over the "Satya Lancana Karya Satya" on behalf from Indonesian President Susilo Bambang Yudhoyono, to Kardi Ady Zulkarnaen, Wening Suryati and Eko Sutrisno. To end the ceremony, the High Commissioner was invited to cut the "tumpeng" (cake).

The Indonesian High Commission also held various activities for the invited guests. Among them were games such as "Tarik Tambang", Sack Race, Tug-of-War, "Bakiak Tandem" and more.

PHOTOS: YUSRIN JUNAIDI

media
PERMATA

AKHBAR HARIAN UNGGUL
BRUNEI DARUSSALAM

www.brunei-online.com/imp

Warga Indonesia derma darah



Salah seorang kakitangan Kedutaan Indonesia menyertai kempen menderma darah.

Oleh Rafidah Jumat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa – Kedutaan Indonesia menganjurkan pelbagai aktiviti sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan negara itu yang ke-62 dan antaranya adalah kempen menderma darah.

Kempen menderma darah dengan kerjasama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha itu telah disempurnakan hari ini oleh Duta Indonesia ke negara ini, Herijanto Soeprpto.

Kempen itu disertai seramai 100 warga Indonesia yang tinggal dan bekerja di negara ini, kata kenyataan dari kedutaan tersebut.

Menteri Kaunselor di kedutaan itu, Muhamad Nazirwan Hafiz berkata, kempen menderma darah itu adalah kali keenam dikendalikan oleh kedutaan sejak 2002.

Kempen itu juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim warga Indonesia yang berada di negara ini selain memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan darah.

Blood donation at embassy

By Sonia K.

TO celebrate the 62nd anniversary of the Indonesian Independence Day, the Embassy of the Republic of Indonesia in Bandar Seri Begawan organised a blood donation campaign.

It was launched yesterday by the Indonesian Ambassador to Brunei Darussalam Herijanto Soeprapto at the embassy premises, in cooperation with RIPAS Hospital.

Some 100 Indonesians residing and working in Brunei and embassy staff donated blood.

Mr Muhamad Nazirwan Hafiz, Minister Counsellor said, it was the sixth time the embassy has organised such a campaign since 2002.

This activity was also intended to spread brotherly love and religious obligation, where Indonesian communities in the country help the needy in any possible way, including donating blood, he said.



PHOTOS: INDONESIA EMBASSY

Indonesian Ambassador Herijanto Soeprapto undergoing medical check-up before donating his blood



Indonesian Embassy staff bleeding for a cause